

| | | | |
|------------|------------|---------|---------|
| TARIKH | 219 / 2016 | SEKSYEN | Rencana |
| MUKA SURAT | 13. | RUANGAN | |

MENANTI DETIK PENTING JEMAAH HAJI



ZULKIFLEE
BAKAR

Melaporkan dari MEKAH, ARAB SAUDI

TIDAK sampai seminggu sahaja lagi, jemaah haji dari seluruh dunia akan bergerak bagi melaksanakan wukuf di padang Arafah. Mengikut jadual mereka akan mula memasuki kawasan tersebut pada 8 Zulhijjah bersamaan 9 September. Wukuf di Arafah adalah kemuncak haji dan rukun haji yang kedua tetapi paling utama berbanding rukun haji lain.

Rasulullah SAW bersabda: "Haji itu adalah hari Arafah, sejapa yang sempat berwukuf pada malam Arafah, sehingga terbitnya fajar maka dia telah menuaikan ibadah haji."

Dalam sebuah lagi hadis Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang tidak sempat berwukuf di Arafah maka perlulah dia mengulangi hajinya pada tahun berikutnya dan haji itu (tanpa berwukuf di Arafah) hanya dinilai sebagai umrah."

Atas sebab itulah dalam muniti hari wukuf jemaah haji sering diingatkan supaya terus menjaga kesihatan dan berdoa kepada Allah untuk dijemput ke padang Arafah. Dalam tempoh tidak sampai seminggu, jemaah haji sepatutnya melakukan persiapan mental dan fizikal kerana di Arafah kesabarahan dan ketahanan mereka akan diuji.

Mengulas perkara ini, Pegawai Operasi Bimbingan Haji, Tengku Aziz Raja Abdullah berkata, semua jemaah perlu menganggap berwukuf di Arafah adalah perjuangan pertama dalam melaksanakan ibadah haji.

"Sebab itulah kita galakkan jemaah haji supaya mereka berdoa kepada Allah dengan bersihkan segala-gala dosa kita supaya senang ke Arafah," katanya dalam



KETUA Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman (empat dari kanan) bersama-sama pengarah-pengarah operasi Lembaga Tabung Haji melawat lokasi yang akan menempatkan jemaah haji Malaysia di Arafah.

Sememangnya bukan sahaja jemaah haji malah seluruh umat Islam menanti hari Arafah. Ini memandangkan mereka berpeluang mendapat kelebihan pada 10 hari awal Zulhijjah.

Perjumpaan dengan penulis. Mungkin bagi sesetengah jemaah haji, mereka menganggap apabila sudah sampai ke tanah suci, sudah pasti mereka akan dapat melaksanakan perkara wajib haji termasuklah berwukuf di Padang Arafah, namun mereka tidak harus melupakan bawaan segala-galanya Allah yang menuntuknya.

Justeru seperti mana nasihat Tengku Aziz apabila tiba di tanah suci, jemaah haji perlu mempunyai satu perasaan takut jaitu tidak dijemput oleh Allah untuk ke Arafah.

"Kita tidak malu nama kita

'tercicih' ke Arafah seperti sakit sebelum wukuf tetapi sihat selepas wukuf berakhir, justeru mereka perlu banyak berdoa kepada Allah," katanya.

Sememangnya bukan sahaja jemaah haji malah seluruh umat Islam menanti hari Arafah. Ini memandangkan mereka berpeluang mendapat kelebihan pada 10 hari awal Zulhijjah.

Selain ibadah korban yang dilaksanakan pada 10 Zulhijjah dan hari-hari tasyrik, umat Islam disuratkannya berpuasa pada 9 Zulhijjah.

Rasulullah SAW bersabda: "Ketika puasa pada hari Arafah, aku berharap Allah SWT akan mengampunkan dosa-dosa setahun yang lepas dan dosa-dosa setahun yang akan datang. (Hadis riwayat Muslim). Jemaah haji yang berada di Arafah pada 9 Zulhijjah disuratkannya memperbaikkan zikir, tahlil, tasbih, takbir dan berdoa kepada Allah SWT memohon kesejahteraan hidup di dunia dan akhir.

Sesungguhnya berada di Arafah ketika hari wukuf adalah detik amat penting kepada jemaah-jemaah haji. Justeru mereka

harus bersedia untuk berada di kawasan yang dianggap gambaran Padang Masyar.

Hanya tinggal tujuh hari sahaja lagi untuk mereka memastikan kehadiran ke tanah suci tidak menjadi sia-sia kerana tidak dijemput oleh Allah berwukuf di Arafah. Ingatlah di Arafah inilah Rasulullah SAW menyampaikan khutbah baginda yang terkenal dengan nama khutbah wada' atau khutbah perpisahan. Ini memandangkan tidak lama kemudian setelah menyampaikan khutbah itu baginda wafat.

Pada ketika itulah turunnya firman Allah SWT dalam surah al-Maa'idah ayat 3 yang bermakasud: "Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku dan telah Aku reda Islam itu menjadi agama bagimu..."

Oleh itu, banyak-banyak berdoa supaya akan diberikan kesempatan berwukuf di Arafah. Jangan leka atau terus dibuai dengan perkara-perkara yang boleh menjaskan matlamat sebenar mereka menjelak kaki ke tanah suci.